

yang sekecil-kecilnya tetapi telah berjaya, maju ke tengah  
bersaing dengan bangsa-bangsa yang lain, bersaing dengan orang lain,  
yang dapat disempurnakan oleh mereka tidak lain oleh  
kerana cekal, bersungguh-sungguh, berusaha, rajin, tulus  
ikhlas akhirnya bertawakal kepada Allah tentang soalan dan  
pendapatan-pendapatan mereka dan berusaha supaya tidak membezakan  
wang kepada jalan-jalan yang *‘āṣi*. Dengan tidak ada kececalan  
dan kesungguhan serta tidak percaya kepada diri dan  
tenaga sendiri, kepada usaha sendiri tidak akan  
didapat segala sesuatu itu maju dan

kita tidak akan dapat merebut  
peluang-peluang yang dibukakan oleh pemerintah kita yang ada  
sekarang kerana kebolehan dan tanggungjawab kita  
kepada sesuatu itu tidak ada. Kerana itu waihai  
umat Melayu, ingatlah! Berusaha dan bertenagalah supaya  
percaya pada diri sendiri, tekun dalam perusahaan,  
cekal di dalam menghadapi sesuatu, tabah di dalam  
menghadapi sesuatu perbicaraan dan dengan demikian  
itulah sahaja akan dapat merebut peluang-peluang yang ada – kalau  
tidak kita akan melumur telunjuk.

## ////////// AL-MALIK SAUD KE INDONESIA //////////

Menurut akhbar “Indonesia Raya” bahawa Al-Malik Saud Raja Saudi Arabia akan tiba di Jakarta  
pada 7 Ogos ini.

Dalam rombongan yang berjumlah 40 orang, akan turut serta 5 orang *Amir*, beberapa orang Jeneral  
dan penasihat-penasihat baginda.

Dari Jakarta baginda akan berangkat ke Bogor, Bandung, Yogyakarta, Sulu, Surabaya, Padang,  
Bukit Tinggi dan Medan. Dari Medan akan kembali ke Jakarta untuk menghadiri perayaan hari  
17 Ogos – hari ulang tahun pengisytiharan kemerdekaan Indonesia.

Sehari dua sesudah perayaan itu baginda akan berangkat kembali ke Saudi Arabia.

Diberitakan juga bahawa panitia sambutan di Jakarta sedang sibuk mengurus tempat-tempat penginapan (tempat  
tinggal) rombongan di-Raja itu di kota-kota yang akan dilawati. Di Jakarta al-Malik Saud akan menginap  
di Istana Negara.

Sementara itu dalam singgahannya di Singapura, baginda akan disambut oleh kaum Islam dengan sepenuh-penuh  
kehormatan.

////////////////////////////////////